


BAHAGIAN A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 16*Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

- 1** “_____ perginya telefon yang ayah letakkan di meja tadi ?” kata Encik Rahim kepada anak bongsunya.
- A** Mana
B Siapa
C Mana-mana
D Siapa-siapa
- 2** “Pada pendapat _____ eloklah kita berangkat ke sana dengan segera,” kata Bendahara Tun Perak kepada Tun Bija Sura.
- A** beta
B patik
C hamba
D tuan hamba
- 3** Para penjaga boleh _____ anak mereka ke tingkatan satu selepas melengkapkan borang yang telah disediakan.
- A** menyuruh
B mendaftarkan
C menyerahkan
D memberitahu
- 4** Bau _____ pada bajunya telah hilang setelah disembur dengan minyak wangi yang _____ itu.
- A** busuk ... tengik
B hapak ... harum
C hanyir ... wangi
D hancing ... hamis

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5** Setiap kali menjelang sambutan Hari Raya Puasa, Puan Aini membakar beberapa _____ lemang untuk hidangan keluarganya.
- A** puntung
 - B** ruas
 - C** bilah
 - D** batang
- 6** Itik itu mempunyai bulu yang _____ air menyebabkan bulunya sentiasa kering walaupun berada lama di dalam air.
- A** kesat
 - B** telap
 - C** kalis
 - D** telus
- 7** Natasha memberitahu Cikgu Mala _____ dia tidak dapat hadir ke sekolah selama seminggu kerana demam campak.
- A** bahawa
 - B** padahal
 - C** supaya
 - D** apabila

- 8 Kanak-kanak itu dimarahi ibunya kerana dia _____ memakai baju.
- A hendak
B enggan
C patut
D mungkin

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



- 9 _____ selalu diletakkan di tengah sawah untuk menghalau burung-burung daripada memakan padi.
- A Patung-patung
B Topi-topi
C Baju-baju
D Orang-orang
- 10 Krisis kemanusiaan kian meruncing di bahagian _____ negara itu.
- A timur
B sudut
C tepi
D atas

- 11** Murid-murid digalakkan menyertai kegiatan kokurikulum. _____, mereka diingatkan agar tidak mengabaikan pelajaran.
- A** Lagipun
 - B** Selain itu
 - C** Lebih-lebih lagi
 - D** Namun demikian
- 12** Pusat beli-belah di Kompleks Teruntum membuka kaunter _____ tambahan sempena jualan sambutan Tahun Baru Cina.
- A** jurukira
 - B** juruwang
 - C** juruselam
 - D** juruteknik

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



- 13** Mak Tijah _____ secubit garam ke dalam masakannya.
- A** kemasukan
 - B** memasuki
 - C** dimasukkan
 - D** memasukkan

Soalan 14

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 14** I Amru ada hati pada anak jirannya.
 II Sentiasa hati ketika berada di jalan raya.
 III Tolong beri hati ketika guru sedang mengajar.
 IV Hati lembu sedap jika digoreng hingga garing.
- A I dan II
 B II dan III
 C I dan IV
 D III dan IV

Soalan 15

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

- 15** Hari Kantin anjuran pihak PIBG sekolah saya mendapat sambutan hangat daripada ibu bapa.
- A Sambutan hangat diberikan oleh ibu bapa terhadap Hari Kantin anjuran pihak PIBG sekolah saya.
 B Pihak PIBG mengalu-alukan sambutan hangat para ibu bapa terhadap Hari Kantin yang dianjurkan.
 C Ibu bapa menerima usaha pihak PIBG menganjurkan Hari Kantin sekolah saya.
 D Pihak PIBG menganjurkan Hari Kantin kerana mendapat sokongan daripada ibu bapa.

Soalan 16

Pilih ayat yang betul.

- 16** A Jadual bertugas disediakan untuk menjadikan kelas lebih ceria.
 B Racun itu digunakan supaya membunuh serangga perosak.
 C Tun Perak adalah pembesar yang terkenal pada zaman dahulu.
 D Puan Maizattul menghadiahkan sebentuk cincin kepada bakal menantunya.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lalu, saya dan beberapa orang rakan telah berpeluang untuk berkunjung ke Pesta Tamu di Kota Belud, Sabah. Kelihatan beberapa rombongan pelancong turut berada di situ. Pelbagai acara kebudayaan telah dipertontonkan kepada pengunjung. Saya dapat menyaksikan keunikan budaya Sabah yang sememangnya menjadi tarikan para pelancong dari dalam dan dari luar negara.

Persembahan yang paling memikat hati saya ialah persembahan daripada sekumpulan penunggang kuda kaum Bajau. Kehebatan mereka menunggang kuda menjadi tarikan pengunjung. Tidak hairanlah jika mereka digelar sebagai "Koboi Timur" atau "Koboi Sabah". Mereka masih mengamalkan semangat dan tradisi berkuda yang diwarisi sejak turun-temurun.

Kalau di negara Barat, seorang koboi akan memakai sebuah topi dan membawa sepucuk pistol yang **disisipkan** pada pinggangnya. Koboi di sini pula memakai cigar yang diperbuat daripada sehelai kain yang dililitkan di kepala sambil membawa sebilah keris. Masing-masing menunggang seekor kuda yang dihias dengan hiasan yang menarik dan berwarna-warni. Inilah keunikan masyarakat Bajau yang tiada di tempat lain.

Selain itu, terdapat juga deretan gerai yang menjual peralatan pertukangan besi seperti keris, parang dan pedang. Seni pertukangan besi dari Kota Belud merupakan satu lagi tarikan kepada pelancong yang berkunjung ke Pesta Tamu ini kerana dihasilkan secara tradisional dan amat berkualiti. Pelancong yang datang ke sini pastinya tidak melepaskan peluang memiliki beberapa bilah senjata ini.

Sekiranya rakan-rakan ingin merancang percutian pada penghujung November nanti, saya syorkan datanglah ke Pesta Tamu, Kota Belud ini.

SUMBER : <http://darwin.blogspot.com>

17 Di manakah tempat yang penulis kunjungi pada cuti sekolah yang lalu?

- A** Pesta Temu di Kota Belud
- B** Pesta Tamu di Kota Belud
- C** Pesta Tanglung di Kota Belud
- D** Pesta Terapi di Kota Belud

- 18 Persembahan yang memikat hati penulis ialah
- A ramai orang di Pesta Tamu.
 - B sekumpulan penunggang kuda kaum Bajau.
 - C topi yang dipakai dan pistol yang disisipkan pada pinggang.
 - D deretan gerai yang menjual peralatan pertukangan besi.
- 19 Perkataan ***disisipkan*** dalam petikan bermaksud
- A diselitkan
 - B dipegang
 - C dihunuskan
 - D disimpan
- 20 Apakah keunikan masyarakat Bajau ?
- A Memakai topi dan membawa pistol yang disisipkan pada pinggang
 - B Memiliki beberapa bilah keris di setiap rumah
 - C Menjual peralatan pertukangan besi seperti keris, parang dan pedang
 - D Menunggang kuda yang dihias dengan hiasan yang menarik

KERTAS SOALAN TAMAT